

# Dedah pelajar kepada industri minyak

## ► Menerusi kerjasama UMS dengan Repsol

UB 13.10.2016 A5

Oleh ALFRED PETRUS

**KOTA KINABALU:** Program kerjasama antara Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan syarikat Repsol Oil and Gas Malaysia Limited (Repsol) mewujudkan platform bagi mendedahkan pelajar kepada industri minyak.

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMS Prof Dr Shahril Yusof berkata program itu dikhususkan kepada pelajar tahun pertama fakulti berkenaan.

"Kerjasama sejak 2014 itu membuka jalan kepada pelajar kejuruteraan memperoleh pendedahan lebih awal mengenai industri minyak.

"Selain itu, ia adalah salah satu program selari dengan

Pelan Pendidikan Tinggi Negara yang mana lonjakan pertama pelajar perlu pendedahan lebih kepada industri.

"Ini adalah bantuan yang kamiterimadankamiberharap dengan kerjasama ini, di masa akan datang pelajar lebih terdedah di peringkat awal kepada industri," katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian Seminar Pengenalan Industri Minyak dan Gas kepada pelajar tahun pertama Kejuruteraan UMS, di sini, kelmarin.

Beliau mewakili Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah untuk merasmikan seminar berkenaan.

Sharil berkata perubahan pelan tindakan dengan konsep fleksibiliti dapat melahirkan pelajar yang bernilai tinggi.

"Kita mahu lahirkan pelajar

yang mempunyai komunikasi yang baik, tahap penyelesaian masalah tinggi, dan berfikiran kritikal.

"Ini dapat dilihat jika cara pendidikan lama diguna pakai, kita tidak dapat melonjak cepat, jadi dengan adanya pelan tindakan yang dicadangkan ini, terpulang kepada semua universiti melihat balik corak kurikulum mereka, cara pelaksanaan mereka," jelasnya.

Menurutnya secara kasarnya, ia memerlukan universiti membuat penyelesaian yang mana memberikan masa yang lebih kepada pelajar bagi melakukan aktiviti industri mereka.

"Dengan pelaksanaan ini, pelajar akan lebih terdedah untuk ke industri kelak, dan sebagainya. Ini kerana, pelan tindakan berkenaan

menyatakan Dua Universiti Dua Industri (2U2I) dalam pengajian.

"Maksudnya, pembelajaran tidak hanya berada di dalam kelas tetapi seimbang dengan latihan industri mereka," katanya.

Sementara itu, Pengurus Manusia dan Organisasi (P&O) Unit Perniagaan Malaysia Repsol Oil and Gas Malaysia Limited Soh Mey Lee berkata syarikat mereka memerlukan bakat muda melalui program seumpama itu.

"Daripada itu, kami mendapati jalan terbaik untuk lebih dekat dengan bakat muda adalah bekerjasama dengan universiti. Terutamanya dalam industri minyak dan gas bagi membantu pelajar untuk lebih memahami bidang yang diceburi.

"Mereka memerlukan



**SOH (dua kiri) menyampaikan cendera kenangan kepada Shahril (dua kiri) selepas perasmian seminar berkenaan.**

masa yang panjang untuk mengenali industri yang besar ini," katanya.

Sebelumnya, Repsol turut

memberikan biasiswa kepada 11 pelajar UMS dalam bidang berkenaan.

Hadir sama, Timbalan

Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Fakulti Kejuruteraan UMS Dr Razak Mohd Ali Lee.